

28/10/1998

MSC, Nita pemangkin proses kemajuan negara

Hizral Tazzif Hisham

LAPORAN Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), yang dibentangkan dalam mesyuaratnya dengan ahlinya serta dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan negara sudah bersedia menggerakkan semua sumber bagi menghadapi kedatangan era digital.

Dalam laporannya, NITC merangka sudah dua inisiatif mega di peringkat nasional yang diwujudkan iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita). Dua inisiatif strategik itu adalah alat persediaan menghadapi era digital dan membantu mempercepatkan proses kemajuan negara.

MSC dibentuk sebagai penggalak kepada pembentukan industri multimedia tempatan yang berupaya mengeluarkan produk dengan cita rasa tempatan tetapi dengan pasaran peringkat global. Pembangunan hub multimedia ulung rantau ini juga menggariskan pembangunan tujuh aplikasi perdana sebagai teras bagi menyokongnya.

Sebagai penggerak tambahan bagi menyokong inisiatif MSC, Nita dirancang untuk menggerakkan keseluruhan lapisan masyarakat di negara ini ke arah memanfaatkan teknologi maklumat (IT) serta membentuk komuniti kaya maklumat serta menyuburkan budaya belajar dan mempelajari pelbagai ilmu yang ada.

Cabaran terbesar sekali dalam era digital ialah mewujudkan Masyarakat Madani (civil society) dengan acuan tersendiri. Melalui IT akan wujud definisi baru peranan yang perlu dimainkan kerajaan, swasta dan orang ramai secara bersendirian atau semasa interaksi antara satu sama lain.

Pentakrifan kekayaan yang dimiliki individu atau masyarakat turut berubah. Jika dalam era pertanian kekayaan diukur daripada jumlah saiz tanah yang dimiliki manakala revolusi pembuatan menekankan kepada kemewahan melalui pegangan kekayaan material.

Kekayaan dalam revolusi digital ditentukan berapa banyak ilmu yang dimiliki dan bagaimana ia dimanfaatkan untuk kepentingan individu, masyarakat dan negara bagi merealisasikan impian menjadi negara maju menjelang 2020.

NITC yang ditubuhkan atas arahan kabinet pada November 1993 turut melaksanakan pelbagai pelan, strategi dan pendekatan untuk memaksimumkan sumber manusia bagi pembangunan IT di negara ini.

Setiausaha Tetap NITC, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata IT dapat memainkan peranan penting memacu negara mencapai status maju.

"Malaysia mempunyai visi untuk menjadi pemain utama dalam masyarakat IT global, membolehkan rakyat negara ini melakukan proses menambah nilai terhadap teknologi yang sedia ada dan pada masa yang sama, membangunkan teknologi baru sesuai dengan keperluan serantau," katanya.

Menurutnya, kelebihan negara ini ialah keupayaan mengelak daripada melakukan kesilapan yang dilakukan negara lain. Ini secara langsung dapat membantu Malaysia melaksanakan lonjakan daripada negara perindustrian kepada pengeluar produk berdasarkan nilai ditambah (value added) untuk pasaran dunia.

Subjek utama transformasi ini ialah masyarakat yang menjadi tonggak utama perubahan itu. NITC menyediakan inisiatif untuk mencipta persekitaran membina dan menyuburkan semangat menimba ilmu sama ada di peringkat individu, organisasi atau kebangsaan.

Perubahan ini juga membabitkan penyediaan prasarana fizikal, pentadbiran dan polisi rangka kerja yang dapat merangsang pembangunan teknologi serta

perdagangan antarabangsa dan pelaburan.

Sektor swasta dan orang ramai memainkan peranan aktif bagi menjayakan perubahan ini dengan memperkenalkan perkhidmatan berasaskan IT untuk membantu mempertingkatkan operasi perkilangan, mengatur cara kerja, meningkatkan produktiviti, memperbaiki khidmat kesihatan, urus niaga dan hubungan kekeluargaan.

NITC menekankan keperluan terhadap telekomunikasi yang dapat menyokong aplikasi multimedia melalui teknologi jalur lebar. Sehubungan itu, kerajaan mengeluarkan lesen untuk operator bagi mengendalikan perkhidmatan satelit komunikasi, optik fiber, kabel dasar laut dan sistem transmisi gelombang mikro.

Sehingga kini, sebanyak RM20.3 bilion sudah dilabur untuk membangunkan tulang belakang talian komunikasi di samping pelaburan tambahan sebanyak RM25.4 bilion dalam masa lima tahun untuk menyelia pelaksanaan program IT di seluruh negara.

Bagaimanapun, halangan utama terhadap komunikasi berkesan antara penduduk desa dan bandar ialah kadar pemilikan talian telefon yang rendah. Kadar pemilikan telefon bagi penduduk desa 5.5 untuk setiap 100 penduduk berbanding bandar iaitu 24.8 bagi setiap seratus.

Usaha sedang dilakukan untuk menubuhkan pusat maklumat terutamanya kios multimedia dan perkhidmatan data berkelajuan tinggi di tempat tumpuan awam seperti pejabat daerah, perpustakaan awam dan sekolah sebagai langkah mempertingkatkan kadar capaian maklumat terutama di luar bandar.

Tindakan juga sedang dilaksanakan bagi menggalakkan syarikat IT tempatan untuk mengeluarkan produk bermutu tinggi melalui usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama dengan penubuhan pusat idea di institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat R&D.

Melalui penghasilan produk IT yang dimanfaatkan orang ramai ia akan dapat memudahkan pengguna melaksanakan tugas mereka. Produk dihasilkan perlu mudah diperolehi dan dicapai menggunakan sistem rangkaian komputer.

Untuk merencanakan lagi usaha pembangunan produk yang dapat diterima pakai dengan mudah dan murah, kerajaan memperkenalkan skim geran Aplikasi Penunjukcara (DAGS) berjumlah RM50 juta untuk membolehkan orang ramai yang mempunyai idea merealisasikan inovasi mereka ke dalam bentuk produk selaras dengan aspirasi Nita.

Sejak dilancarkan, NITC menerima pertanyaan lebih daripada 70 syarikat yang mana 20 sudah menghantar kertas cadangan merangkumi pembangunan perisian pendidikan, maklumat hiburan (infotainment), perdagangan elektronik (EC), kandungan, kejuruteraan perisian dan pembangunan kandungan berdasarkan alam sekitar.

Perkembangan dan perubahan Nita diukur melalui dua indeks iaitu Indeks Imperatif Ilmu (KIX) dan Indeks Imperatif Kepelbagaian (MIX) yang memantau aktiviti seperti sosial, ekonomik, demografik, kesihatan, nutrien, kebudayaan serta maklumat dan teknologi komunikasi (ICT).

Selain penubuhan NITC di peringkat persekutuan, kerajaan negeri turut menubuhkan majlis teknologi maklumat masing-masing (NITC-SITC) serta melaksanakan agenda kerajaan elektronik untuk melicinkan lagi pentadbiran.

Sepuluh negeri sudah menghantar pelan pembangunan IT masing-masing iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Kerajaan Terengganu misalnya, melaksanakan Terengganu*Net, prasarana telekomunikasi yang menyokong mel elektronik, Internet, sidang video, data dan telefon.

Ia juga merangkaikan agensi kerajaan seperti Badan Pembangunan Ekonomi Terengganu, unit perancang ekonomi negeri, mahkamah syariah dan jabatan agama.

NITC mengenal pasti generasi muda sebagai peneraju utama negara bagi

menghadapi kedatangan alaf baru dan melaksanakan pelbagai strategi untuk membolehkan pelajar mempunyai kemahiran mencukupi bagi memanfaatkan maklumat yang diperolehi.

Antara strategi yang dilaksanakan ialah :

- * pastikan sekolah dilengkapi perkakasan perisian secukupnya untuk pembelajaran interaktif;
- * sediakan guru dengan kemahiran dan latihan IT untuk mereka menjadi pengguna dan memanfaatkan maklumat yang ada;
- * suburkan budaya belajar, kreativiti, inovasi dan pemikiran kritikal untuk pelajar melayari kehidupan dengan lebih baik;
- * manfaatkan sepenuhnya keupayaan Internet, pembelajaran jarak jauh dan sistem rangkaian meluas (WAN) untuk proses pembelajaran dan pengajaran;
- * masukkan subjek utama IT dalam kurikulum pembelajaran,
- * bangunkan model bagi pembelajaran IT di peringkat awal dan memperkenalkannya di peringkat prasekolah; dan
- * bangunkan DAGS untuk pendidikan.

NITC akan menggunakan MSC sebagai kenderaan yang dapat memacu negara memasuki era maklumat yang mana strategi pemasarannya diketuai Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC).

MDC melaporkan sebanyak 177 syarikat mendapat status MSC daripada 242 permohonan dengan anggaran pelaburan RM3 bilion manakala 109 sudah beroperasi.

Pecahan industri bagi syarikat yang melabur dalam MSC terbahagi kepada perisian (37 peratus), telekomunikasi (14 peratus), pembangunan kandungan (17 peratus), animasi dan penyiaran (10 peratus), integrasi sistem (8 peratus), latihan pendidikan (6 peratus), P&P (4 peratus), khidmat nasihat dan reka bentuk cip.

Untuk memantapkan aktiviti perniagaan, kerajaan menggubal undang-undang yang dapat memastikan perlindungan sepenuhnya diberi kepada orang ramai dan pihak swasta.

Akta Tandatangan Digital, Akta Jenayah Komputer, Akta Teleperubatan, Akta Penyatuan Multimedia dan pindaan terhadap Akta Hak Cipta 1987 diluluskan Parlimen manakala Akta Kerajaan Elektronik dan Perlindungan Data sedang dikaji.

Hakim Besar Malaya dan Borneo sedang mengkaji untuk menubuhkan mahkamah siber berdasarkan rangka undang-undang sedia ada manakala penubuhan Institut Undang-Undang Siber sedang dipertimbangkan Peguam Negara.

Tegasnya, kerajaan melalui NITC sudah melaksanakan pelbagai perancangan, strategi dan pendekatan untuk memastikan orang ramai bersedia menghadapi rempuhan revolusi maklumat.

Seperti yang dinyatakan Dr Mahathir dalam ucapan aluannya, berkata, kerajaan berharap segala usaha yang dilakukan di peringkat nasional dan antarabangsa dapat menyumbangkan kefahaman lebih mendalam mengenai aplikasi IT untuk tujuan kemakmuran bersama.

Kemakmuran yang mana kekayaan dunia dikongsi bersama serta keadilan dan moral yang baik dapat dipelihara.

(END)